



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 109 BIL 35/2023

PERMOHONAN RAYUAN FASA 2 PENEMPATAN PELAJAR DI RESIDEN PELAJAR BAGI SESI AKADEMIK 2023/2024

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

1. Merujuk kepada Pekeliling Hal Ehwal Pelajar UMP Bilangan 1 Tahun 2021, semua pelajar pra siswazah Universiti Malaysia Pahang pengajian Tahun 1 dan Tahun 2 adalah **diwajibkan** menginap di Residen Pelajar dan baki kekosongan akan diisi oleh pelajar Tahun 3 dan Tahun 4 termasuk pelajar kategori laluan khas.
2. Permohonan rayuan asrama (Fasa 2) adalah terbuka kepada semua pelajar. Tarikh permohonan rayuan bermula pada 27 Julai 2023 – 4 Ogos 2023. Permohonan rayuan perlu dibuat melalui E-Community>Student Residence Appeal. Pelajar perlu menghantar dokumen sokongan ke alamat email residen@ump.edu.my.
3. **Pelajar rayuan yang berjaya ditawarkan asrama adalah tertakluk kepada Polisi Yuran Asrama Tanpa Pemulangan (No Refund Policy).**
4. Pelajar rayuan yang menarik diri setelah berjaya ditawarkan asrama adalah tertakluk kepada Polisi Yuran Asrama Tanpa Pemulangan (No Refund Policy) rujuk Bahagian IV: Panduan Dan Peraturan Kewangan Pelajar (Program Prasiswazah UMP).
5. Bagi pelajar yang tidak ditawarkan Residen Pelajar boleh melayari portal rumah sewa siswa yang telah dibangunkan KPT untuk mencari rumah sewa yang kosong di kawasan berhampiran kampus. Sila layari portal rumah sewa siswa seperti berikut: <https://rumahsiswa.mohe.gov.my>.
6. Penempatan bilik dan rakan sebilik adalah tertakluk kepada ketetapan pihak pengurusan residen pelajar.
7. Bagi sebarang pertanyaan boleh hadir secara terus ke pejabat Residen Pelajar atau email kepada residen@ump.edu.my.

Sekian untuk makluman dan tindakan pelajar. Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Teknologi Untuk Masyarakat’



MOHD RAIZALHILMY B. MOHD RAIS

Pengarah Pusat Perkhidmatan Pelajar

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh: 26 Julai 2023